

## Memartabatkan Bahasa Arab Pelajar UiTM

Oleh: Aisyah Hanim Binti Mohammad Subari (1180395)

SHAH ALAM: Menyediakan satu platform untuk berkomunikasi dalam Bahasa Arab sama ada secara bertulis, bercakap dan sebagainya adalah satu cara untuk memartabatkan lajiah Bahasa Arab dalam kalangan pelajar Bahasa Arab Komunikasi.

Itulah antara objektif program yang dikongsi oleh Pengarah Program Minggu Bahasa Arab, Ahmad Sofwan Othman, 23, yang mengendalikan program berlangsung selama 7 hari bermula 27 sehingga 30 November 2020 pada cuti pertengahan semester lalu.

“Pada mulanya, program ini dibuka kepada pelajar Program Bahasa Arab sahaja, tetapi ia macam tidak mendapat sambutan dari pihak kita, jadi apa salahnya kita buka kepada pelajar-pelajar dari fakulti lain di UiTM ini khususnya,” katanya.




Antara poster yang diwarwarkan di media sosial.

Menurutnya, panel yang dijemput untuk menyampaikan ilmu dan pengalaman ialah Pensyarah Bahasa Arab, Dr. Fitri Nurul Ain Nordin, yang merupakan seorang graduan dari Mesir dan mengetahui banyak lajiah arab dari pelbagai tempat.

Berkongsi lanjut mengenai cabaran semasa mengendalikan program secara dalam talian, Sofwan berkata, semestinya terdapat sedikit kecelaruan dan masalah yang berlaku seperti masalah komunikasi antara Ahli Jawatan Kuasa yang memberi impak yang besar ketika program berlangsung.

“Kalau kita nak sebarkan ilmu secara dalam talian sangat susah dan ianya merupakan cabaran yang paling sukar untuk diatasi,” ujarnya.

Sementara itu, seorang peserta program Zatil Husna Zaharulail, 21, pula berkata, dia juga menghadapi masalah yang sama iaitu gangguan internet dan terpaksa meminta rangkaian internet adiknya semasa program sedang berlangsung.



Antara pelajar yang menyertai program Webinar Lahjah Arab.

Tambah Sofwan lagi, walaupun terdapat banyak kekangan dalam menuntut ilmu tetapi ia bukanlah satu alasan untuk mengetepikan Bahasa Arab kerana ianya merupakan Bahasa Al-Quran dan sangat penting untuk dipelajari oleh semua golongan tidak kira tua atau muda.

“Biarpun terdapat pelbagai masalah yang dihadapi sebelum dan semasa program berjalan tetapi alhamdulillah program tersebut mendapat sambutan yang luar biasa serta ianya berjalan dengan lancar,” katanya lagi.